

Peningkatan suhuancam biodiversiti dunia

B.H M/S 8 10.7.07

Oleh Abdul Jalil Ishak

MASYARAKAT dunia hari ini merasakan bahawa suhu sememangnya meningkat dari semasa ke semasa, terutama sejak dua ratus tahun lalu. Fenomena ini menimbulkan keresahan kepada pemimpin dunia dan penduduknya kerana ia mempunyai kesan jangka panjang yang boleh menyebabkan huru hara dan bencana termasuk banjir dan ribut kencang di kawasan yang mempunyai struktur ketahanan fizikal lemah.

Hari ini, suhu dunia mengembang kira-kira 1.5 darjah Celsius berbanding 200 tahun lalu. Ahli saintis tidak bersepakat bahawa peningkatan ini disebabkan faktor antropogenik atau kemanusiaan, yakni pengaruh disebabkan kerakusan manusia, termasuk proses penebangan hutan secara meluas, peningkatan jumlah kenderaan, kemunculan kilang dengan banyak, peningkatan taraf hidup yang terlalu bergantung kepada penggunaan peti ais, alat hawa dingin dan kehairahan menerangi ruang rumah, bangunan sejarah dan halaman dengan lampu beraneka warna yang banyak dan bergemerlapan sebagai amalan hidup membazir.

Ada pendapat mengatakan peningkatan suhu disebabkan perubahan alam semula jadi sebagai satu ketentuan Tuhan, seperti juga kejadian siang dan malam yang bertukar ganti. Apapun, kita tidak menafikan

bahawa faktor kemanusiaan tidak dapat ditolak sebagai penyebab utama maka meningkatnya suhu dunia secara beransur-ansur dan kadang kala secara mendadak dalam tempoh 50 tahun atau seratus tahun sekali.

Catatan suhu permukaan dunia membuktikan bahawa pada 1856 suhu dunia sudah meningkat sebanyak 0.6 darjah Celsius. Setengah pengkaji berpendapat faktor antropogenik lebih ketara sejak 50 tahun lalu, diakibatkan kesan rumah hijau, yang sekaligus meningkatkan karbon dioksida menerusi kegiatan manusia dalam pelbagai sektor pembangunan, termasuk pembinaan bangunan, jalan raya, pengwujudan penempatan baru, kawasan rekreasi dan lapangan terbang.

Malah, pengkaji membuat ramalan bahawa suhu akan terus meningkat pada kadar antara 1.4 darjah Celsius dan 5.8 darjah Celsius dari 1990 hingga 2100. Sejak 1,000 hingga 2,000 tahun lalu, suhu permukaan bumi dikatakan relatif stabil.

Kajian menunjukkan bahawa sepuluh tahun yang mengalami suhu tertinggi semua berlaku sejak 1990. Pengkaji menganggarkan jika dunia gagal mengawal daripada suhu menjadi lebih tinggi, negara Amerika Syarikat akan mengalami antara 3 hingga 9 darjah suhu lebih tinggi sebelum berakhir kurun ke-21 ini. Pada 2002, Colorado, Arizona dan Oregon di Amerika Syarikat meng-

hadapi masalah berkaitan hidupan liar melreka. Tahun sama juga menyaksikan kejadian kemarau berpanjangan di Montana, Colorado dan Kansas manakala banjir besar berlaku di Texas, Montana dan North Dakota.

Sejak awal 1960-an, himpunan salji sudah berkurangan sebanyak 60 peratus, manakala musim salji menjadi pendek di Cascade Range I Oregon dan Washington. Pada 2003, suhu panas melampau menyebabkan kematian 20,000 di Eropah dan 1,500 di Benua India. Kesan lain termasuk pencairan salji di kutub, kejadian banjir, peningkatan suhu di permukaan laut, menyebabkan kemusnahan hidupan marin, termasuk alga, plankton, dan phytoplankton, serta hidupan liar di hutan. Penyumbang terbesar dalam peningkatan karbon dioksida ialah

Amerika Syarikat, sebagai negara kaya dunia, meskipun penduduknya meliputi sekadar 4 peratus penduduk dunia, diikuti China, India dan Jepun.

Di Malaysia, ketika William Camerons membuka Tanah Rata pada 1888, untuk dijadikan kawasan peranginan tanah tinggi bagi orang Inggeris, beliau mendapati paras suhu kawasan di situ amat rendah, malah di sekitar 5 darjah Celsius. Ini berdasarkan catatan dibuat pihak British yang direkod ketika kawasan berkenaan masih diliputi hutan malar hijau yang tebal.

Selepas pokok ditebang, jalan dibina, ka-

wasan perumahan dibuka semakin agresif, padang permainan diperbanyak, kilang pemerosesan dibina di sana sini, Cameron Highlands semakin panas. Kini kita tak perlu membawa baju sejuk jika ke Cameron Highlands. Demikian juga banyak tempat tinggi yang dulunya sejuk kerana kedudukan di tempat tinggi, kini suhu persekitaran tidaklah sejuk seperti dulu.

Peningkatan suhu global ini mempunyai kesan sampingan bukan saja kepada manusia, tapi juga kepada hidupan dan haiwan, malahan organisme lain. Kesan pemanasan global pada sistem biologi dan kehidupan manusia menyaksikan kesan buruk terhadap sumber biodiversiti dunia. Perubahan iklim dunia turut menyaksikan meningkatnya bahan kimia bertoksik hasil punggahan dari kawasan dunia luar, menerusi tindakan manusia membuang sisa pepejal secara tidak berhemah.

Tindakan ini boleh menyebabkan orang ramai menghadapi masalah kesihatan teruk, termasuk sakit kepala berpanjangan, sistem otak, daya ketahanan fizikal dan mental yang kurang stabil, penyakit berkaitan alat pernafasan dan murung.

Kesan buruk terhadap tumbuhan semula jadi dan sektor pertanian akan lebih ketara. Bayangkan semasa zaman remaja dulu, kita dapat menikmati pelbagai jenis makanan, dan tumbuhan. Sesetengah tumbuhan itu sudah lenyap atau semakin pupus di muka bumi kita, termasuk limau pagar, bunga

bumi kita, termasuk limau pagar, bunga Cina, asam pauh, buah lokan sentul, pucuk cemperai, daun tenggek burung dan jambu botol. Isu penyu kian pupus turut menjadi perkara sering diperbincangkan mengenai spesies fauna yang semakin pupus di negara kita.

Demikian juga soal kepupusan di kalangan haiwan liar lain, seperti badak sumbu, burung punai, harimau, gajah dan orang utan yang menghadapi masa depan pudar akibat faktor antropogenik dan faktor alam semula jadi.

Isu penebangan hutan, pembukaan tanah, perluasan kawasan perumahan dan penempatan lain turut menyumbang kepada peningkatan suhu permukaan. Malah, penebangan pokok secara berleluasa turut mengubah pola regim hujan, penambahan konsentrasi karbon dioksida, paras pencemaran pada aras ozon dan gangguan regim iklim pada tahap makro.

Bagi menangani masalah pemanasan global ini, sebagai rakyat jelata, kita boleh melakukan pelbagai cara mudah dalam kehidupan kita sehari-hari, termasuk menanam tanaman di sekitar rumah dan kebun, menjimatkan penggunaan air, tidak membiarkan lampu dan kipas terpasang ketika tidak memerlukannya, menggunakan tenaga solar bagi mendapatkan tenaga atau cahaya, berjalan kaki ke tempat kerja jika berdekatan rumah, menggunakan basikal bagi tujuan riadah dan tempat kerja, jika sesuai.

Selain itu, elakkan pembakaran terbuka, cuci pakaian dan mandi menggunakan air hujan, kitar semula barang lama dan amalkan budaya jimat cermat.